

Perkasa khidmat sosial

Oleh Siti Nur Wasimah S.
Gambar oleh KUPU SB

BANDAR SERI BEGAWAN, 20 Mei - Sempena bulan Ramadan yang penuh keberkatan dan kemuliaan ini, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) melalui Pusat Bahasa telah mengadakan aktiviti Program 'Hamlah Khairiyah 2.0 Ramadan Kareem' kepada beberapa buah keluarga yang memerlukan bantuan, kelmarin.

Khidmat masyarakat ini merupakan program Pusat Bahasa KUPU SB untuk memperkasakan ilmu dan khidmat sosial kepada masyarakat khususnya dalam

membantu menghadapi musim berpuasa dan perayaan yang bakal menjelang tiba.

Hadir bagi menyempurnakan sumbangan berupa keperluan asas ialah Pemangku Raes KUPU SB, Dr Haji Adanan bin Haji Basar dan Pemangku Timbalan Raes KUPU SB, Dr Abang Haji Hadzmin bin Abang Haji Taha.

Turut hadir ialah Pengarah Pusat Bahasa KUPU SB, Dr Haji Hambali bin Haji Jaili bersama warga Pusat Bahasa dan kakitangan KUPU SB.

Program berkenaan adalah bertepatan dengan bidang dan misi serta visi KUPU SB ke arah melahirkan bakal guru yang ber-



Dr Haji Adanan bergambar ramai selepas menyempurnakan sumbangan kepada para penerima.

wibawa.

Program kali ini menyasarkan beberapa buah keluarga dari Kampung Subok, keluarga

mualaf di Kampung Delima dan keluarga daif di Kampung Tanjung Bunut.

Sumbangan berkenaan di-

harap akan dapat meringankan beban khususnya dalam menjalani ibadah puasa di bulan Ramadan.

Warga UNISSA dekati masyarakat di bulan Ramadan



Dr Haji Norarfan bersama ahli-ahli persatuan pelajar UNISSA semasa melaksanakan Program Ramadhan Food Drive.

BANDAR SERI BEGAWAN, 20 Mei - Persatuan-persatuan pelajar Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) iaitu Unit Kebajikan dan Kemasyarakatan, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Persatuan Mahasiswa Syariah dan Undang-undang (ShaLawSoc) telah meneruskan usaha mendekati masyarakat melalui Program 'Ramadhan Food Drive' dan 'Safari Ramadhan', baru-baru ini.

Pada Program Ramadhan Food Drive, persatuan berkenaan telah berjaya mengumpulkan sumbangan berbentuk kewangan dan barang keperluan asas bagi 20 keluarga kurang berkemampuan di sekitar Daerah Brunei dan Muara.

Sumbangan tersebut diharapkan dapat membantu keluarga-keluarga berkenaan menyediakan keperluan keluarga di bulan Ramadan agar mereka dapat menjalankan ibadah puasa dengan selesa dan sempurna.

Pada program tersebut, sumbangan telah disampaikan oleh Rektor UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal berserta pegawai-pegawai eksekutif UNISSA serta pegawai-pegawai Bahagian Hal Ehwal Pelajar UNISSA.

Manakala Safari Ramadhan yang diterajui oleh Unit Keagamaan dan Kerohanian, MPP UNISSA, bertujuan untuk memanfaatkan bulan Ramadan ini dengan menjalankan aktiviti

kemasyarakatan dan berkegiatan di samping mengeratkan ukhuwah di antara pelajar dan masyarakat, serta turut menyumbang kepada pembangunan sahsiah mahasiswa di luar kuliah.


Siri pertama bagi program ini telah diadakan pada 14 Mei lalu di Masjid Kampung Bukit di Daerah Tutong yang disertai oleh 15 pelajar dan dihadiri oleh warga Kampung Bukit.

Di antara pengisian program ialah sembahyang Fardu Maghrib berjemaah, diikuti dengan tazkirah yang disampaikan oleh Imam Masjid Kampung Bukit, Haji Muhd Azli bin Aliuddin

dan seterusnya sesi perkongsian dan perbincangan secara berkumpulan mengenai bulan Ramadan di antara pelajar dan jemaah yang hadir.

Di samping berbincang mengenai persoalan-persoalan yang timbul tentang ibadah berpuasa, para pelajar juga berpeluang untuk mendengar perkongsian daripada jemaah masjid yang hadir yang ada di antaranya mualaf yang akan menjalani ibadah puasa buat pertama kali tahun ini.

Program seumpamanya akan diteruskan lagi semasa bulan ini di lokasi berlainan dengan pengisian yang berbeza.



Unit Keagamaan dan Kerohanian, MPP UNISSA bergambar ramai bersama sebahagian penduduk Kampung Bukit Daerah Tutong.

Serikandi sumbang Al-Quran

Oleh Hajah Saemah Kepli

KUALA BELAIT, 20 Mei - Kumpulan Syarikat Serikandi telah menyumbangkan sejumlah 25 naskhah Al-Quran yang mengandungi tafsiran kepada Sekolah Menengah Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar, di sini.

Sumbangan tersebut merupakan sebagai sokongan kepada projek Kementerian Pendidikan iaitu 'Program Membudayakan Bacaan Al-Quran dan Sembahyang Fardu' bagi sekolah-sekolah rendah, menengah, maktab dan pusat

tingkatan enam senegara.

Sumbangan telah diserahkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Syarikat Serikandi Shaikh Khalid bin Shaikh Haji Ahmad kepada Pengetua sekolah, Hajah Jumimah binti Haji Jumat pada majlis yang diadakan di pejabat pengetua sekolah tersebut.

Shaikh Khalid ketika ditemui berkata, dengan sumbangan itu, semua pelajar beragama Islam dapat mengguna pakai sebaik-baiknya dan membaca Al-Quran untuk selama-lamanya, demi kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.



Shaikh Khalid menyampaikan sumbangan naskhah Al-Quran kepada pengetua Sekolah Menengah Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar.